

Morfem *kena* dalam bahasa Melayu: Ada berapa morfem?

Kartini Abd. Wahab

Hiroki Nomoto

Universiti Kebangsaan Malaysia Universiti Bahasa Asing Tokyo

1. Pendahuluan

Kebanyakan kajian terdahulu yang meneliti ragam (diatesis) dalam bahasa Melayu memfokuskan pasif morfologi (1) dan pasif kosong (*bare passive*) (2) (Saddy 1991; Soh 1998; Cole dan Hermon 1998; Voskuil 2000; Nomoto dan Shoho 2007; Sato 2008). Ragam pasif dalam (1) ditandai oleh imbuhan kerjaan *di-*, manakala ragam pasif dalam (2) pula terlihat menerusi urutan kata khas. (Ciri-ciri kedua-dua ragam pasif ini akan dibincangkan lanjut dalam bahagian 2).

- (1) Dokumen itu sudah *di*-semak oleh Aminah.
- (2) Dokumen itu sudah saya semak.

Selain daripada dua jenis pasif di atas, terdapat beberapa bentuk pasif yang lain yang turut diakui dalam kosa ilmu, iaitu pasif *ter-*, pasif *ber-*, pasif *ke-...-an* dan pasif *kena* (Nik Safiah 1978; Arbak 1981; Asmah dan Subbiah 1983; Abdul Hamid 1992). Pada umumnya istilah “pasif” di sini, tidak lebih sebagai satu label. Dalam tatabahasa Melayu, apa-apa konstruksi yang dari segi fungsi semantik dan pragmatiknya menyerupai prototaip pasif, akan dilabelkan sebagai “pasif”. Antara contoh fungsi semantik/pragmatik tersebut termasuklah pembelakangan pelaku, pendepanan benda/penderita dan peningkatan keterpengaruhan (Shibatani 1985; Keenan 1985; rujuk Koh 1990: 169). Dengan adanya sekian banyak jenis pasif yang sedemikian, timbul persoalan tentang (i) sama ada/bagaimana jenis-jenis pasif tersebut berkaitan dengan pasif morfologi dan pasif kosong dari segi sintaksisnya dan (ii) sama ada “makna pasif” yang dikongsi oleh semua pasif tersebut berasal daripada mekanisme sintaksis yang sama.

Makalah ini bertujuan untuk meneliti salah satu jenis pasif tersebut, iaitu pasif *kena* seperti dalam (3), yang sering digunakan dalam bahasa Melayu Lisan (Chung 2005).

- (3) Penyeluk saku itu *kena* tangkap oleh polis.

Sehubungan dengan itu, makalah ini menumpukan tiga persoalan utama yang berikut. (i) Bagaimanakah pasif *kena* berkaitan dengan pasif morfologi dan pasif kosong? (ii) Bagaimanakah ayat pasif *kena* berhubungan (secara sinkronik) dengan ayat *kena* debitif, yang mempunyai makna ‘harus’, seperti dalam (4) di bawah, dari

segi sintaksisnya? Penggunaan *kena* dalam (4) lazimnya dianggap berbeza daripada *kena* dalam pasif *kena* (Chung 2005: 209). (iii) Apakah struktur ayat pasif *kena*?

(4) Polis *kena* tangkap penyeluk saku itu.

Berkaitan dengan persoalan yang pertama, kami mendakwa bahawa *kena* dalam pasif *kena* adalah suatu morfem yang tidak berkaitan dengan pasif morfologi mahupun pasif kosong. *Kena* hanya menambah kesan makna adversiti (makna 'tidak menyenangkan, kesusahan, terjejas' dan seumpamanya) dan bukannya sumber ciri-ciri sintaksis pasif. Ciri-ciri sintaksis pasif yang wujud pada ayat pasif *kena* adalah berdasarkan sama ada dua jenis ragam tersebut atau "ragam tersirat". Mengenai persoalan yang kedua pula, kami menganalisis ayat (4) sebagai padanan aktif kepada ayat pasif *kena*. Bagi persoalan ketiga tentang struktur ayat pasif *kena*, kami menunjukkan bahawa dalam kedua-dua ayat aktif dan pasif, *kena* bukanlah penanda ragam tetapi tergolong dalam kelas predikat yang dikenali sebagai "predikat lucu (*funny predicate*)" oleh Nomoto (2011), yang mengambil klausa berkurang (Fk = frasa kata kerja kecil) sebagai komplemennya.

Makalah ini diorganisasikan kepada beberapa bahagian. Bahagian 2 mengemukakan fakta-fakta asas tentang tiga jenis pasif bahasa Melayu, iaitu pasif morfologi, pasif kosong dan pasif *kena*. Dalam bahagian 3, kami menjelaskan hubungan antara ayat pasif *kena* dan ayat *kena* yang mengandungi morfem *kena* dengan makna 'harus', sebagai pasangan pasif-aktif. Bahagian 4 dan 5 pula menumpukan struktur sintaksis ayat *kena*. Dalam bahagian 4, kami menunjukkan bahawa *kena* adalah predikat lucu dan bukannya penanda pasif. Seterusnya dalam bahagian 5, kami mendakwa bahawa alternasi antara ayat *kena* aktif dan ayat *kena* pasif adalah alternasi yang kami namakan sebagai "alternasi ragam tersirat", iaitu jenis alternasi ragam yang tidak melibatkan mana-mana morfologi ragam yang nyata. Akhir sekali, bahagian 6 adalah kesimpulan makalah ini.

2. Fakta Asas mengenai Tiga Jenis Pasif dalam Bahasa Melayu

2.1. Pasif Morfologi

Pasif morfologi¹ merupakan jenis pasif yang kata kerjanya ditandai dengan awalan *di-* seperti dalam (5).

(5) Buku itu *di-baca* (oleh) Siti.

¹ Pasif morfologi dikenali juga sebagai "pasif kanonik" (*canonical passive*) (Chung 1976; Guilfoyle dll. 1992) atau "pasif jati" (Asmah 2009).

Urutan kata biasa bagi pasif morfologi ialah “Benda/Penderita KK (*oleh*) Pelaku”. Pasif morfologi mengutamakan FD (frasa determiner) benda/penderita dan bukannya FD pelaku, sebagai subjek. FD pelaku dalam pasif ini lazimnya didahului oleh preposisi *oleh*. Walau bagaimanapun, kehadiran preposisi tersebut adalah opsional. Pasif morfologi berkoresponden dengan ayat aktif morfologi yang mengandungi awalan *meN-* seperti dalam (6).

(6) Siti *mem-*baca buku itu.

2.2. Pasif Kosong

Berbeza daripada pasif morfologi, pasif kosong (*bare passive*)² tidak melibatkan morfologi kerjaan. Kata kerja dalam pasif ini hadir sebagai dalam bentuk dasar tanpa apa-apa imbuhan. Sebaliknya, ragam pasif kosong ditandai dengan urutan kata khas. Maknanya, pelaku mesti diungkapkan secara wajib dan lazimnya ia mengklitisasi pada kata kerja dan dengan demikian, K(ata) B(antu), kata Adv(erba) dan kata Nafi mendahului pelaku dan kata kerja. Pasif kosong dikemukakan dalam (7).

(7) Surat itu sudah Ali baca.

Urutan kata biasa bagi pasif kosong ialah “Benda/Penderita (KB/Adv/Nafi) Pelaku KK”. Seperti pasif morfologi, pasif kosong juga mengutamakan FD benda/penderita sebagai subjek, dan bukannya FD pelaku. Oleh yang demikian, konstruksi ini sememangnya pasif dan bukannya topicalisasi (lihat, misalnya, Chung 1976 untuk bukti-bukti). Berkoresponden dengan pasif kosong ialah ayat aktif kosong (*bare active*), yang pelakunya mendahului KB/Adv/Nafi seperti dalam contoh (8).

(8) Ali sudah/dah baca surat itu.

2.3. Pasif Kena

Pasif *kena* sudah pernah dibincangkan oleh beberapa pengkaji (misalnya Nik Safiah 1978; Asmah dan Subbiah 1983; Abdul Hamid 1992; Koh 1990; Nik Safiah dll. 1993; Bao dan Wee 1999; Chung 2005). Pasif *kena* dikatakan mempunyai beberapa ciri, seperti yang dibincangkan berikut. Pertama, subjek dalam ayat pasif *kena* biasanya adalah entiti yang terkena pengaruh yang tidak menyenangkan (Koh 1990; Bao dan Wee 1999; Chung 2005).³

² Pasif kosong dikenali juga sebagai “pasif semu” (Asmah 2009) dan “pendepanan objek” (*object preposing*) (Chung 1976).

³ Satu hal yang menarik perlu diberi perhatian tentang pasif *kena* ialah pasif ini kadang-kala digunakan juga dalam konteks positif. Contoh (i) adalah ayat yang dikutip daripada papan perbincangan dalam talian. Dalam ayat tersebut, *kena* muncul sebanyak tiga kali. *Kena* yang

(9) Aminah kena tampar.

Hakikatnya, pihak yang terkena pengaruh boleh merupakan si penutur, khususnya apabila ia mempunyai empati terhadap subjek, yang biasanya tidak bernyawa. Dua contoh yang berikut menunjukkan hal ini.

- (10) a. Dompot aku kena curi semalam.
b. Rumah adik aku kena rompak.

Ciri kedua ialah kata kerja keadaan (*stative*) tidak boleh muncul dalam pasif *kena* (Bao dan Wee 1999).

- (11) a. *Perkara itu dia kena tahu.
b. *Buku itu kena punya.

Ketiga, kata kerja dalam pasif *kena* biasanya tanpa apa-apa imbuhan. Perlu disebutkan di sini, bahawa dakwaan kuat yang menyatakan bahawa kata kerja dalam pasif *kena* adalah wajib bebas daripada segala bentuk penandaan morfologi (misalnya Nik Safiah dll. 1993; Bao dan Wee 1999) adalah tidak dapat dipertahankan. Hal ini kerana terdapat beberapa jenis imbuhan yang dapat hadir dengan kata kerja dalam ayat pasif *kena*, meskipun dalam kebanyakan ayat pasif *kena* yang kita temui dalam wacana biasa, kata kerjanya memang tanpa imbuhan. Pengamatan bahawa kata kerja dalam pasif *kena* adalah tanpa imbuhan, mungkin berpunca daripada penggunaan konstruksi ini dalam laras bahasa tidak formal. Tambahan pula, kata kerja tanpa imbuhan adalah sangat umum ditemui dalam bahasa Melayu Lisan.

Ciri keempat ialah frasa pelaku *oleh* dalam pasif *kena* adalah unsur opsional (12b) (Nik Safiah dll. 1993: 471; Bao dan Wee 1999; Chung 2005). Selain itu, frasa *oleh* juga dapat dihilangkan apabila adanya pelaku (12c).

pertama menggambarkan peristiwa negatif, manakala *kena* yang kedua dan ketiga tidak. Sebaliknya pasif *kena* yang kedua dan ketiga pula menggambarkan peristiwa positif yang boleh menggembirakan subjek.

- (i) *kena* tegur sikit terus lembik, pasal kat sekolah dulu dia jadik murid favorite cikgu pasal dia pandai, selalu score A1, selalu *kena* puji, selalu *kena* angkat.

(PERGH!, <http://pergh.com/forum/index.php?topic=2629.0>, diakses 29/06/2010)

Data seperti ini menunjukkan kemungkinan bahawa makna adversiti yang dikaitkan dengan *kena* sebenarnya hasil inferensi pragmatik dan bukannya sebahagian makna semantik perkataan tersebut. Dalam bahagian 3 di bawah, kami akan mendakwa makna semantik morfem *kena* adalah makna modaliti yang dapat diparafrasa sebagai 'tidak kira kehendak subjek/penutur', 'terpaksa oleh keadaan luar' atau 'ditakdirkan'.

- (12) a. Amin kena tangkap oleh polis.
 b. Amin kena tangkap.
 c. Amin kena tangkap polis.

Dalam hal ini, pasif *kena* memperlihatkan persamaan dengan pasif morfologi.

Sebelum menutup perbincangan bahagian ini, akan dibahaskan secara ringkas kes *kena* mengambil FD seperti dalam (13).

- (13) a. Salmah kena [_{FD} demam panas] sejak seminggu yang lalu.
 b. Kaki Abu kena [_{FD} ekzos motosikal].

Kami menganalisis *kena* yang mengambil FD seperti ini, sebagai kata kerja transitif dengan makna 'sentuh, menanggung, mendapat'. Penggunaan *kena* seperti ini tidak semestinya membawa maksud adversiti atau kesusahan (lihat Bao dan Wee 1999). Sebagai contoh, *kena* dalam (14) membawa makna yang tidak adversatif.

- (14) Felix kena [_{FD} loteri sebanyak RM 50 000.00] semalam.

Sehubungan dengan itu, *kena* yang bermakna 'harus' pula tidak mengambil FD. Apabila *kena* kelihatan mengambil FD, frasa yang dianggap sebagai FD tersebut mestilah frasa yang berpotensi diverbalisasikan.

- (15) a. Kita kena [_{FD?} pakaian kemas] semasa bekerja. (cf. berpakaian)
 b. *Kita kena [_{FD} pembelian barangan buatan Malaysia].
 (cf. *berpembelian)

3. Ayat Pasif *Kena* dan Padanan Aktifnya

Berlainan daripada pasif morfologi dan pasif kosong, ayat pasif *kena* jarang dibincangkan dalam konteks hubungan padanannya dengan ayat aktif. Hal ini mungkin disebabkan oleh fakta bahawa kategori "pasif" didefinisikan berasaskan fungsi semantik dan pragmatik dalam kebanyakan tatabahasa Melayu. Jika pasif didefinisikan dengan cara ini, maka ayat pasif tidak seharusnya mempunyai padanan aktif. Sebagai contoh, Koh (1990: 168) menyatakan bahawa pasif *ber-* dan *ke-...-an* tidak memiliki padanan ayat aktif. Koh tidak menjelaskan tentang sama ada kes pasif *kena* dan pasif *ter-* juga demikian atau sebaliknya.

Sebaliknya, kami berpendirian bahawa pasif didefinisikan secara sintaksis, iaitu pasif adalah konstruksi yang argumen dalam kepada predikatnya (misalnya benda dan penderita), dikemukakan sebagai subjek sintaksis, manakala argumen luar (misalnya pelaku dan pengalami) diturunkan taraf menjadi kurang menonjol, iaitu bukan sebagai subjek mahupun objek. Dalam kes dua jenis pasif bahasa Melayu yang telah dibahaskan dalam bahagian terdahulu, argumen luarnya direalisasikan

sebagai adjung dalam pasif morfologi sementara dalam pasif kosong, argumen luar diklitisasi pada kata kerja dasar. Pada dasarnya, suatu ayat aktif berbeza daripada padanan ayat pasifnya berdasarkan cara bagaimana argumennya direalisasikan. Argumen luar diwujudkan sebagai subjek dan argumen dalam pula sebagai objek. Justeru, hubungan antara ayat aktif dan ayat pasif dapat dirumuskan seperti dalam (16).

(16)	<u>Subjek</u>	<u>Objek</u>
	Aktif: argumen luar	argumen dalam
	Pasif: argumen dalam	(argumen luar: bukan subjek mahupun objek)

Kami mendakwa bahawa pasif *kena* memiliki padanan ayat aktifnya dan ayat aktif tersebut mengandungi morfem *kena* yang bermakna 'harus' seperti dalam contoh (4), yang dikemukakan semula sebagai (17).

(17) Polis *kena* tangkap penyeluk saku itu.

Dalam kajian lepas, penggunaan *kena* ini dianggap sebagai tidak mempunyai hubungan dengan ayat pasif *kena* (Chung 2005). Walau bagaimanapun, kami beranggapan bahawa kedua-dua ayat *kena* boleh dianalisis sebagai pasangan aktif-pasif kerana makna morfem *kena* dalam kedua-dua ayat tersebut adalah sama, iaitu makna modal seperti 'tak kira kehendak subjek/penutur', 'ditekan oleh keadaan luar' atau 'ditakdirkan'. Oleh itu, ayat aktif dan ayat pasif *kena* dapat diparafrasakan misalnya menerusi kata *terpaksa*, seperti dalam (18).

- (18) a. Polis *kena* tangkap pencuri itu semalam.
 ≈ Polis terpaksa menangkap pencuri itu semalam (tak boleh tak mau; itu dah tanggungjawab dan arahan, kan?).
- b. Pencuri itu *kena* tangkap oleh polis semalam.
 ≈ Pencuri itu terpaksa ditangkap semalam (walaupun tak nak).

Dalam (18a), keadaan luar yang berasosiasi dengan makna *kena* adalah berkaitan dengan fakta bahawa polis wajib atau mesti menangkap pencuri, sedangkan dalam (18b) pula, keadaan luar yang berkenaan adalah situasi di mana pencuri telah mendapati dirinya telah tertangkap atau tidak dapat melepaskan diri.

Dakwaan kami bahawa dua penggunaan *kena* adalah saling berhubungan, disokong oleh fakta bahawa terdapat bahasa lain yang mempunyai morfem yang sama untuk mengungkapkan dua makna yang relevan. Sebagai contoh, dalam kebanyakan variasi bahasa Inggeris, morfem *get* dapat muncul dalam ungkapan kewajipan (misalnya *have got to*) dan juga dalam ayat pasif adversatif. Contohnya dalam bahasa Inggeris Singapura Baku, seperti dalam (19).

- (19) a. The police (have) *got* to arrest the thief.
 b. The thief *got* arrested by the police.

Bahasa Thai dan Vietnam (Prasithrathsint 2004), Hokkien (Bodman 1955) dan Khmer (Hiromi Ueda, menerusi perbincangan tidak rasmi) juga menggunakan morfem yang sama untuk dua makna tersebut, iaitu *thùuk* (bahasa Thai), *bi* (bahasa Vietnam) dan *tioq* (bahasa Hokkien) dan *trəw* (bahasa Khmer).

Terdapat tiga hujah kontra yang berpotensi terhadap analisis ini. Kami akan menunjukkan bahawa tiada satu pun daripada hujah kontra tersebut yang menjadi masalah sebenar. Pertama, menurut Chung (2005), sementara kata kerja dalam pasif *kena* tidak mengambil akhiran *-kan*, kekangan sedemikian tidak ditemui dalam ayat aktif *kena*.

- (20) a. *Dia kena tipu-kan oleh pemuda itu.
 b. Dia kena tipu-kan pemuda itu. (Chung 2005: 197)

Sekilas pandang, pandangan ini kelihatan menunjukkan bahawa *kena* dalam pasif *kena* dan *kena* dengan makna 'harus' adalah dua morfem yang berlainan. Namun kami berpendapat bahawa pendirian sedemikian tidak dapat dipertahankan. Berhubung kontras dalam (20), Chung (2005: 197) menduga bahawa "penggunaan akhiran *-kan* dengan pasif adversatif *kena* tidak gramatis mungkin kerana *-kan* mendukung makna benefaktif, apabila ia ditambahkan kepada kata kerja transitif". Kami pada dasarnya bersetuju dengan alasan tersebut dan menyimpulkan lebih lanjut bahawa *kena* dan *-kan* seharusnya dapat muncul bersama-sama, sekiranya *-kan* tidak membawa makna benefaktif. Ramalan kami ternyata benar. *Kena* dapat muncul bersama-sama dengan akhiran *-kan*, apabila *-kan* memiliki fungsi selain daripada menghasilkan konstruksi benefaktif.

- (21) a. Kuku Aminah kena merah(-kan) oleh Siti. (kausatif)
 b. Bola adikku itu kena lempar(-kan) ke dalam tong sampah oleh Ali.
 (konstruksi FP matlamat)
 c. Tugas penting itu kena serah(-kan) kepada Abu yang pemalas itu oleh Amin. (dwitransitif inheren)

Oleh yang demikian, kontras dalam (21) adalah berasal daripada semantik *-kan*, dan bukannya berpunca daripada kewujudan dua morfem *kena* yang berbeza, iaitu *kena* yang digunakan dalam pasif *kena* ("kena 1") dan *kena* yang bermakna 'harus' ("kena 2").

Salah seorang penilai makalah jurnal *Linguistics* telah mengemukakan hujah kontra yang kedua terhadap dakwaan kami. Menurut beliau, suatu ayat aktif dan ayat

padanan pasifnya biasanya sama dari segi syarat kebenaran. Walau bagaimanapun, ayat pasif *kena* dan ayat dengan makna 'harus' berbeza dalam cakupannya, dan oleh itu, dua ayat tersebut tidak dapat dianggap sebagai pasangan aktif-pasif. Kritikan tersebut adalah sah. Kedua-dua ayat dalam (22) misalnya, adalah pasangan aktif-pasif dan kedua-duanya juga saling mencakupi satu sama lain.

- (22) a. Polis menangkap pencuri itu.
b. Pencuri itu ditangkap oleh polis.

Oleh itu, dua ayat *kena* yang kami dakwa sebagai pasangan aktif-pasif, berbeza cakupannya dan tidak ada hubungan cakupan timbal balik. Perhatikan contoh (18) yang dikemukakan semula di bawah sebagai (23).

- (23) a. Polis kena tangkap pencuri itu semalam.
b. Pencuri itu kena tangkap oleh polis semalam.

Sementara (23b) mencakupi bahawa peristiwa penangkapan benar-benar telah berlaku, namun ayat (23a) tidak semestinya mempunyai cakupan demikian.

Walaupun bagaimanapun, perlu dinyatakan di sini bahawa dua ayat yang dianggap sebagai pasangan aktif-pasif, tidak selalunya sama dari segi syarat kebenarannya, khususnya apabila ia dipancarkan dengan kata modal seperti *mahu*. Sebagai contoh, kedua-dua ayat dalam (24) memiliki nilai kebenaran yang berbeza dengan situasi di mana Siti mencuba untuk mencium kucing peliharaannya Michael, tetapi kucing tersebut menolak ciuman Siti.

- (24) a. Siti mahu untuk mencium Michael./Siti wants to kiss Michael.
b. Michael mahu untuk dicium oleh Siti./Michael wants to be kissed by Siti.

Dalam bahagian 4, yang akan membahaskan sintaksis ayat *kena*, kami akan mendakwa bahawa *kena* adalah kata modal dan ayat yang mengandungi *kena* adalah dwiklausa. Maka, ketiadaan cakupan timbal balik tidak akan menyangkal dakwaan kami bahawa ayat *kena* dengan makna 'harus' adalah padanan aktif kepada ayat pasif *kena*. Malahan hal tersebut juga tidak menunjukkan kewujudan dua morfem *kena* yang berlainan, kerana kesimpulan sedemikian sama saja seperti mendakwa *mahu/wants* dalam (24a) adalah berbeza daripada *mahu/wants* dalam (24b), berdasarkan pencakupan dua ayat tersebut yang berbeza.

Hujah kontra yang terakhir untuk dakwaan kami, adalah berdasarkan asumsi tertentu tentang identiti morfem *kena*. Selalu dikemukakan tanggapan bahawa *kena* dalam pasif *kena*, adalah penanda ragam pasif (misalnya Bao dan Wee 1999). Di bawah asumsi tersebut, dakwaan kami bahawa *kena* dalam ayat pasif *kena* adalah morfem yang sama dengan *kena* dalam ayat *kena* dengan makna 'harus', akan

kelihatan bercanggah. Hal ini kerana penanda pasif juga akan muncul dalam ayat aktif. Oleh yang demikian, untuk memastikan dakwaan kami adalah benar, maka *kena* tidak dapat menjadi penanda pasif. Dalam bahagian yang berikutnya, kami akan menunjukkan bahawa *kena* sebenarnya bukan penanda ragam pasif, tetapi ia adalah sejenis “predikat lucu”, seperti yang dikemukakan oleh Nomoto (2011).

4. Ayat Kena dan Kawalan Lucu

Dalam bahagian ini, kami menunjukkan bahawa *kena* memperlihatkan perilaku sama dengan predikat yang disebutkan oleh Nomoto (2011) sebagai “predikat lucu”. Predikat lucu tergolong dalam kelas kata kerja utama, dan berbeza daripada pandangan Nik Safiah dll. (1993: 493) serta Bao dan Wee (1999), yang masing-masing mendakwa *kena* sebagai kata kerja bantu dan penanda ragam pasif. Oleh sebab “predikat lucu” dan konstruksi yang melibatkannya (konstruksi “kawalan lucu”) mungkin sedikit asing bagi sebahagian besar pembaca, maka terlebih dahulu kami akan memberikan pengenalan ringkas tentang fenomena ini dalam bahagian 4.1. Kemudian, dalam bahagian 4.2 pula, akan dikemukakan bukti-bukti yang menyokong dakwaan kami bahawa *kena* adalah predikat lucu.

4.1. Kawalan Lucu dan Predikat Lucu (Nomoto 2011)

Bahasa Melayu mempunyai konstruksi yang unik, iaitu konstruksi yang predikat matriknya berasosiasi dengan sama ada argumen dalam atau argumen luar kata kerja pasif yang tersemat.⁴ Sejajar dengan Gil (2002), kami memanggil konstruksi ini sebagai “kawalan lucu”, meskipun menurut analisis Nomoto dan Kartini (2011), ia juga memiliki ciri-ciri konstruksi penaikan (*raising*). (25) merupakan contoh konstruksi kawalan lucu. Bahagian yang dikurungi dengan [] adalah klausa tersemat.


(25) Ali mahu [ditangkap oleh polis].

- (i) ‘Ali mahu untuk ditangkap oleh polis.’ (interpretasi kawalan biasa)
- (ii) ‘Polis mahu untuk menangkap Ali.’ (interpretasi bersilang)


⁴ Terdapat penutur yang memberitahu kami bahawa konstruksi ini tidak melibatkan ketaksaan sebagaimana kami laporkan di sini. Akan tetapi, kita tidak boleh tidak menafikan kesimpulan bahawa konstruksi tersebut pada prinsipnya bersifat taksa, kerana dalam wacana sebenar terdapat sekian banyak contoh ayat dengan predikat sama yang dikaitkan dengan kedua-dua interpretasi (lihat Lampiran dalam Nomoto 2011).

Perhatikan bahawa ayat dalam (25) dapat mempunyai dua interpretasi. Kedua-dua jenis interpretasi tersebut, iaitu interpretasi kawalan biasa dan interpretasi bersilang⁵ diilustrasikan seperti dalam (26).

(26) a. Interpretasi kawalan biasa (25i)



b. Interpretasi bersilang (25ii)



Dalam kedua-kedua interpretasi, pelaku dan penerima perbuatan penangkapan adalah sama, iaitu masing-masing 'polis' dan 'Ali'. Yang berbeza di antara kedua-dua interpretasi tersebut ialah pihak yang berkemahuan merealisasikan perbuatan penangkapan itu. Dalam (26a), pihak yang "mahu" (untuk ditangkap) ialah argumen dalam, iaitu 'Ali', sementara dalam (26b), pihak yang "mahu" (untuk menangkap) adalah argumen luar, iaitu 'polis'. Perbezaan tersebut ditunjukkan dengan garisan yang tebal.

Satu hal penting yang perlu dinyatakan di sini ialah bahawa ketaksaan tersebut hanya muncul apabila kata kerja dalam klausa tersemat adalah pasif. Interpretasi bersilang hilang apabila kata kerja adalah aktif atau berimbuan *meN-*. Perhatikan contoh (27).

(27) Polis mahu [menangkap Ali].

(i) 'Polis mahu untuk menangkap Ali.' (interpretasi kawalan biasa)

(ii) *'Ali mahu untuk ditangkap oleh polis.' (interpretasi bersilang)

Hanya kelas predikat yang tertentu sahaja yang layak sebagai predikat matrik kepada konstruksi kawalan lucu. Predikat ini dinamakan sebagai "predikat lucu" oleh Nomoto (2011). Predikat lucu diklasifikasikan kepada dua kumpulan, iaitu (i) predikat yang mengungkapkan sikap psikologi (misalnya *ingin* dan *mahu*) dan (ii) predikat yang mengungkapkan keadaan luar yang dapat mempengaruhi kemungkinan suatu

⁵ Kedua-dua istilah ini adalah terjemahan daripada istilah *normal control reading* dan *crossed reading* dalam Polinsky dan Potsdom (2008).

situasi akan direalisasikan, contohnya kata *layak*. Nomoto (2011) telah mengenal pasti sebanyak 20 predikat lucu (lihat Nomoto 2011 untuk senarai predikat lucu bahasa Melayu). Kami mencadangkan *kena* dimasukkan ke dalam senarai tersebut.

Sebagai predikat lucu, *kena* memperlihatkan fenomena kawalan lucu sebagaimana kata *mahu*. Ayat *kena* dengan klausa pasif seperti contoh (28) mempunyai dua interpretasi, iaitu interpretasi kawalan biasa dan interpretasi bersilang.


(28) Perompak itu kena [ditangkap (oleh) polis].

- (i) 'Perompak itu kena tangkap oleh polis.' (interpretasi kawalan biasa)
- (ii) 'Polis harus menangkap perompak itu.' (interpretasi bersilang)

Dalam interpretasi kawalan biasa (28i), pihak yang "kena" atau ditekan oleh keadaan luar (agar dia ditangkap) adalah argumen dalam *tangkap*, iaitu 'perompak itu'. Keadaan luar menekan 'perompak itu', tidak peduli suka atau tidak, untuk menjalani dan mengalami suatu tindakan yang tidak menyenangkan, iaitu dia 'ditangkap oleh polis'. Sementara itu, dalam interpretasi bersilang (28ii), pihak yang "kena" adalah 'polis', yang merupakan argumen luar *tangkap*. Keadaan luar yang relevan adalah misalnya, tuntutan masyarakat yang cukup kuat yang menekan 'polis', tanpa mempedulikan kemahuan mereka sendiri, menjalani suatu tindakan, yakni 'perompak itu ditangkap' oleh mereka.

Dari segi struktur, Nomoto (2011) mengikut Polinsky dan Potsdom (2008), mengasumsikan bahawa predikat lucu mengambil klausa berkurang Fk sebagai komplemennya, dan bukannya klausa lengkap seperti FKomp. Struktur ayat kawalan lucu (25) adalah seperti yang ditunjukkan dalam (29) apabila predikat lucu *mahu* telah digabungkan dan kemudian disatukan ke k matrik sehingga membentuk kerjaan kompleks [_k k + *mahu*].

(29) Struktur ayat kawalan lucu



Menurut analisis Nomoto (2011), ketaksaan muncul dalam ayat kawalan lucu, kerana peranan teta luar bagi *mahu* dapat diberikan kepada sama ada *Ali* atau *polis*, iaitu dua FD yang berada dalam Spek, Fk.⁶ Ketaksaan serupa tidak muncul apabila kata kerja dalam klausa tersemat adalah aktif dengan awalan *meN-*, kerana konfigurasi yang sama tidak dapat dibentuk dalam kes ini atas alasan yang tersendiri.

4.2. Bukti Kena sebagai Predikat Lucu

Sebagaimana yang kami jelaskan dalam perbincangan sebelumnya, predikat lucu bukan merupakan kata bantu dan ia juga tidak berkaitan dengan ragam. Begitu juga dengan kes *kena*.

Pertama, perilaku sintaksis *kena* adalah mirip kepada predikat lucu dan bukannya kata bantu. Hal ini dapat dilihat menerusi fakta pendepanan (*fronting*). Dalam bahasa Melayu, apabila terdapat dua atau lebih kata bantu dalam satu klausa, maka pendepanan kata bantu mesti melibatkan kedua-dua kata bantu tersebut dan jika sebaliknya, maka ayat yang terhasil adalah tidak gramatis (Ramli 1995:104). Hal ini ditunjukkan dalam kontras antara (30a) dan (30b–c). Dalam (30a), apabila kedua-

⁶ Nomoto (2011) membuat asumsi-asumsi yang berikut mengenai pemberian peranan teta: (i) peranan teta hanya diberikan sewaktu operasi Gabung (Prinsip Pemberian Peranan Teta (*Theta-Role Assignment Principle*); Hornstein dll. 2005); (ii) pemberian peranan teta mesti diselesaikan dalam mandala tempatan; dan (iii) sesuatu argumen boleh menerima lebih dari satu peranan teta (Gruber 1965; Jackendoff 1972), dengan kata lain, pergerakan ke kedudukan-teta itu dibenarkan (Bošković 1994; Hornstein 1999, 2001).

dua kata bantu (iaitu *sudah* dan *boleh*), dikedepankan, ayat tersebut gramatis. Sebaliknya, pendepanan yang melibatkan hanya salah satu kata bantu, menghasilkan ayat yang tidak gramatis seperti dalam (30b–c).

- (30) a. *Sudah boleh*-kah rumah itu ____ ____ dijual?
 b. **Sudah*-kah rumah itu ____ *boleh* dijual?
 c. **Boleh*-kah rumah itu *sudah* ____ dijual?

Dalam kes *kena*, morfem ini tidak berperilaku seperti kata bantu. Pendepanan kata bantu misalnya *sudah* bersama-sama dengan morfem *kena*, membawa kepada ketidakgramatisan sebagaimana yang terlihat dalam (31a). Dengan kata lain, hanya kata bantu sahaja yang dapat dikedepankan seperti dalam (31b).

- (31) a. **Sudah kena*-kah rumah itu ____ ____ dijual?
 b. *Sudah*-kah rumah itu ____ *kena* dijual?
 c. **Kena*-kah rumah itu *sudah* ____ dijual?

Ketidakgramtisan ayat (31a) masuk akal jika *kena* merupakan predikat lucu sebagaimana dakwaan kami. *Sudah* dan *kena* tidak membentuk konstituen seperti yang ditunjukkan dalam (32) di bawah.

- (32) [FKomp -kah [FKala rumah itu [Kala' sudah [Fk kena] dijual]].
-

Untuk memastikan status *kena* sebagai predikat lucu, kata *cuba*, yang merupakan predikat lucu, juga jelas sekali memperlihatkan pola yang sama dengan *kena*. Bandingkan (30) dengan (31) serta (32) yang berikut.

- (33) a. **Sudah cuba*-kah rumah itu ____ ____ dijual?
 b. *Sudah*-kah rumah itu ____ *cuba* dijual?
 c. **Cuba*-kah rumah itu *sudah* ____ dijual?

Justeru, ini menunjukkan bahawa *kena* bukanlah kata bantu, berbeza daripada pandangan Nik Safiah dll. (1993).

Bukti kedua yang menyokong dakwaan kami ialah *kena* dapat wujud bersama-sama dengan kata kerja dalam ragam morfologi. Fakta ini adalah dijangkakan jika *kena* adalah predikat lucu. Walau bagaimanapun, fakta tersebut tetap tinggal sebagai persoalan jika *kena* dianggap sebagai penanda ragam pasif, seperti yang diandaikan oleh Bao dan Wee (1999). Hal ini kerana dalam hipotesis yang kedua ini, suatu ayat aktif seperti (34a) akan mengandungi kedua-dua penanda ragam aktif dan pasif, sementara ayat pasif seperti (34b) pula, akan mengandungi dua penanda ragam pasif.

- (34) a. Polis kena *men*-[t]angkap penyeluk saku itu.
 b. Penyeluk saku itu kena *di*-tangkap oleh polis.⁷

Kena dapat wujud dengan ragam kosong hanya jika KB/Adv/Nafi sama ada tidak hadir atau mendahului morfem *kena*. (35) dan (36) masing-masing menunjukkan contoh ayat aktif kosong dan ayat pasif kosong.

- (35) a. Aku *kena* tangkap budak itu sekarang.
 b. Aku *belum kena* tangkap budak itu lagi.
 c. *Aku *kena belum* tangkap budak itu lagi.
- (36) a. Budak itu *kena* aku tangkap.
 b. Budak itu *belum kena* aku tangkap lagi.
 c. *Budak itu *kena belum* aku tangkap lagi.

Dengan menyokong hipotesis bahawa *kena* merupakan kata bantu akan dapat menjelaskan kontras di atas sebagai satu kekangan pada urutan relatif antara nafi/aspek dan modal. Walau bagaimanapun, kontras yang sama juga berlaku jika *kena* adalah predikat lucu. Hal ini kerana sebagai predikat lucu, *kena* mengambil klausa berkurang (Fk), yang tidak memiliki posisi untuk KB/Adv/Nafi seperti *belum*. Pendek kata, *kena* dapat wujud bersama-sama dengan ragam morfologi dan juga ragam kosong.

Akhir sekali, hujah bukti kami yang terakhir dibincangkan berdasarkan ayat dalam (37). Ayat dengan *kena* adalah taksa apabila morfem *kena* diikuti oleh klausa pasif sebagaimana kes ayat kawalan lucu.

- (37) Penyeluk saku itu kena [ditangkap polis].
 (i) 'Penyeluk saku itu kena ditangkap oleh polis.' (interpretasi kawalan biasa)
 (ii) 'Polis harus menangkap penyeluk saku itu' (interpretasi bersilang)

Jika *kena* sememangnya sejenis predikat lucu, dapat diramalkan bahawa ketaksaan ini hilang sekiranya klausa komplemen merupakan klausa aktif. Ramalan ini ternyata benar. Perhatikan dalam (38) dan (37) yang mengandungi hanya interpretasi kawalan biasa (i).

- (38) Polis kena [menangkap penyeluk saku itu].
 (i) 'Polis harus menangkap penyeluk saku itu.' (interpretasi kawalan biasa)
 (ii) *'Penyeluk saku itu kena ditangkap oleh polis.' (interpretasi bersilang)

⁷ Ayat ini, walaupun kedengaran tidak biasa bagi sesetengah penutur, namun ia gramatis sepenuhnya bagi sesetengah penutur yang lain. Contoh-contoh yang serupa mudah ditemui dalam wacana sebenar.

Hal ini mengukuhkan dakwaan kami bahawa *kena* adalah predikat lucu.

Sebagaimana yang telah dibahasakan dalam bahagian 4.1, kami mendeskripsikan pasif *kena* adversatif dan ayat *kena* dengan makna ‘harus’ sebagai pasangan pasif-aktif. Dalam bahagian ini juga, kami telah menunjukkan bahawa *kena* bukan merupakan kata bantu mahupun penanda ragam pasif, tetapi sebaliknya *kena* adalah predikat lucu. Persoalan yang timbul di sini, jika *kena* bukan penanda ragam, bagaimanakah ragam ditandai dalam pasangan ayat pasif-aktif dalam ayat *kena*? Persoalan ini membawa kita kepada topik yang seterusnya.

5. Alternasi Ragam Tersirat

5.1. Cadangan

Kami berpendapat bahawa tidak ada morfologi ragam yang nyata yang terliba dalam alternasi antara ayat *kena* aktif dan ayat *kena* pasif. Kami menamakan jenis alternasi ragam ini, sebagai “alternasi ragam tersirat”. Sejajar dengan itu, kami mengemukakan hipotesis kehadiran morfem ragam kosong $\emptyset_{\text{AKTIF}}$ dan $\emptyset_{\text{PASIF}}$, dan bahawa kepala kedua-dua ragam ini menduduki posisi kepala sintaksis yang sama seperti *meN-* dan *di-* dalam ragam morfologi. Posisi yang relevan bagi kedua-dua kepala tersebut biasanya dianggap sebagai *k* (atau Ragam) (Aldridge 2008; Cole dll. 2008; Tjung 2006; Sato 2008; Son dan Cole 2008; Nomoto 2011). Alternasi ragam tersirat dalam ayat *kena* dirumuskan seperti dalam (39). Subskrip “dalam” dan “luar” menunjukkan bahawa FD masing-masing adalah argumen dalam dan argumen luar, bagi kata kerja klausa tersemat.

(39) Alternasi ragam tersirat dalam ayat *kena*

- a. Aktif: $\text{FD}_{\text{luar}} \text{kena} [\text{Fk } \emptyset_{\text{AKTIF}} [\text{FK KK FD}_{\text{dalam}}]]$
- b. Pasif: $\text{FD}_{\text{dalam}} \text{kena} [\text{Fk } \emptyset_{\text{PASIF}} [\text{FK KK}] \text{(oleh) } \text{FD}_{\text{luar}}]$

Perhatikan bahawa tanpa preposisi *oleh*, rentetan permukaan “FD *kena* KK FD” dapat diuraikan sebagai sama ada (39a) (= aktif) atau (39b) (= pasif), sehingga menimbulkan ketaksamaan struktural. Kebanyakan penutur jati tidak menyedari ketaksamaan ini, kerana ia lazimnya diselesaikan dengan pragmatik. Namun, ketaksamaan tersebut adalah nyata. Suatu ayat boleh menjadi sama ada aktif atau pasif bergantung pada konteksnya. Sebagai contoh, ayat *Ali kena tipu wanita itu* membawa makna ‘Ali harus menipu wanita itu’ (aktif) jika Ali seorang penjual barang-barang kemas palsu. Namun begitu, ayat yang sama juga bermakna ‘Ali kena ditipu oleh wanita itu’ (pasif) jika wanita itu yang jahat.

Alternasi ragam tersirat bukanlah semata-mata suatu stipulasi yang kami kemukakan untuk menjelaskan ayat *kena* dalam bahasa Melayu. Hal ini kerana

alternasi ragam tersirat juga dapat ditemui dalam konstruksi yang lain dalam bahasa Melayu, dan juga dalam bahasa-bahasa lain. Pertama, alternasi ragam tersirat ini juga terlibat dalam konstruksi *ter-* dalam bahasa Melayu. Awalan *ter-* memiliki pelbagai fungsi iaitu aksidental/kebetulan, abilitatif/kemampuan, dan keadaan hasil (*result state*; “pasif adjektif” dalam istilah Soh 1994a, b). Apabila konstruksi *ter-* menunjukkan alternasi aktif-pasif, tidak ada morfem nyata yang memperlihatkan ragam mahupun urutan kata khas yang menunjukkan jenis ragam yang digunakan (Za’ba 2000: 213; Abdullah 1974: 107; Nik Safiah dll. 1993: 165–166). (40) menunjukkan ayat *ter-* aktif dan pasif.

- (40) a. Aktif: Polis tertangkap lelaki itu.
b. Pasif: Lelaki itu tertangkap (oleh) polis.⁸

Kami menganalisis ayat dalam (40) mengikuti skema struktur (41).

- (41) Alternasi ragam tersirat dalam ayat *ter-*
a. Aktif: $FD_{\text{luar}} \text{ ter- } [_{FK} \emptyset_{\text{AKTIF}} [_{FK} KK FD_{\text{dalam}}]]$
b. Pasif: $FD_{\text{dalam}} \text{ ter- } [_{FK} \emptyset_{\text{PASIF}} [_{FK} KK] \text{ (oleh) } FD_{\text{luar}}]$

Tidak seperti ayat *kena*, yang penggunaannya hampir terhad kepada bahasa Melayu Lisan, ayat *ter-* digunakan bukan hanya dalam bahasa Melayu Lisan malahan dalam bahasa Melayu Formal. Dengan kata lain, alternasi ragam tersirat wujud dalam kedua-dua variasi bahasa Melayu.

Perlu disebutkan di sini bahawa kewujudan alternasi ragam tersirat bukan bermaksud bahawa ia adalah ragam jenis ketiga yang terdapat dalam bahasa Melayu, yang dianggap berbeza daripada ragam morfologi dan ragam kosong. Adalah munasabah untuk berfikir bahawa morfem ragam yang tidak berbunyi yang termasuk dalam alternasi ragam tersirat ini adalah ragam yang terlibat dalam ragam morfologi atau ragam kosong. Jika tidak, terlalu banyak morfem ragam yang tidak berbunyi yang perlu diperoleh kanak-kanak, seperti yang disebut oleh penilai makalah jurnal *Linguistics*.

Kami mengasumsikan bahawa $\emptyset_{\text{AKTIF}}$ adalah morfem tanpa bunyi yang terlibat dalam aktif kosong, meskipun ia juga boleh dianalisis sebagai alomorf tanpa bunyi bagi awalan *meN-* (aktif morfologi). $\emptyset_{\text{PASIF}}$ dianggap menjadi alomorf tanpa bunyi bagi

⁸ Terdapat buku tatabahasa (misalnya Abdullah 1974) menyatakan bahawa perkataan *oleh* adalah unsur wajib dalam ayat pasif *ter-*. Walau bagaimanapun, deskripsi seperti itu tidak memadai. Hasil pencarian Google dengan rentetan “tertangkap oleh polis” dan “tertangkap polis” (dilakukan pada 3 Mac 2011) menunjukkan bahawa pengguguran *oleh* sangat lazim, yakni jumlah carian untuk kedua-dua frasa masing-masing adalah 35 dan 234.

awalan *di-* (pasif morfologi), dan bukannya morfem tanpa bunyi yang terlibat dalam pasif kosong. Hal ini kerana kata kerja bagi argumen luar direalisasikan dalam cara yang benar-benar sama dalam pasif morfologi, iaitu sebagai adjung dengan preposisi *oleh* yang opsyenal. Sekiranya $\emptyset_{\text{PASIF}}$ adalah morfem tanpa bunyi yang terlibat dalam pasif kosong, pelaku seharusnya menjadi unsur wajib dan dalam kedudukan sentiasa mendahului kata kerja. Distribusi $\emptyset_{\text{PASIF}}$ dikekang dengan ketat, tidak seperti $\emptyset_{\text{AKTIF}}$. $\emptyset_{\text{PASIF}}$ hanya dibenarkan oleh *kena* dan *ter-*. Kami menanggapi bahawa wujudnya kekangan leksikal terhadap $\emptyset_{\text{PASIF}}$ seperti ini memudahkan pemerolehan morfem tanpa bunyi tersebut oleh kanak-kanak. Apa yang perlu dipelajari oleh mereka ialah peraturan yang berbunyi “(fitur-fitur yang dikaitkan dengan) *di-* tidak perlu dilafazkan apabila ia muncul di kedudukan tertentu dalam ayat *kena* dan *ter-*”.

5.2. Alternasi Ragam Tersirat dalam Bahasa Lain

Alternasi ragam tersirat tidak hanya terbatas kepada bahasa Melayu. Sebagai contoh, Arka dan Kosmas (2005) mendakwa dengan yakin bahawa ayat bahasa Manggarai dalam (42b) adalah ayat pasif yang berhubungan dengan ayat aktif dalam (42a).

- (42) a. Aku *cero* latung=k.
 1TGL goreng jagung=1TGL
 ‘Aku menggoreng jagung’
 b. Latung hitu *cero* l=aku=i.
 jagung itu goreng oleh=1TGL=3TGL
 ‘Jagung itu digoreng oleh aku.’ (Arka dan Kosmas 2005: 88)

Perhatikan bahawa dalam kedua-dua ayat tersebut, bentuk kata kerja adalah *cero* dan tidak ada morfologi ragam yang nyata dalam kedua-duanya. Seperti *kena* dalam bahasa Melayu, aktif dan pasif hanya berbeza dalam urutan relatif FD benda dan FD pelaku, dan ragam hanya diisyaratkan oleh hadir atau tidaknya morfem yang bermakna ‘oleh’ dan konteks.

Di luar rumpun keluarga bahasa Austronesia, Cobbinah dan Lüpke (akan datang) menunjukkan bahawa alternasi ragam tersirat ditemui dalam sejumlah bahasa Afrika, dan yang paling menonjol dalam bahasa-bahasa Mande Afrika Barat (misalnya Bamba, Jalonke) dan Gur (misalnya Supyire, Ditammari), dan juga beberapa bahasa kreol yang dibentuk di bawah pengaruh substratal dari bahasa-bahasa ini. (43) menunjukkan contoh dalam bahasa Bamba. Perhatikan bahawa tidak ada penanda ragam dalam ayat aktif (43a) mahupun ayat pasif (43b).

- (43) a. Û bε nò dan.
 3JMK KINI sekoi semai
 'Mereka menyemai sekoi.'
- b. Nò bε dan (u fê).
 sekoi KINI semai 3JMK POSTPOSISI
 'Sekoi disemai oleh mereka.'

(Cobbinah dan Lüpke, akan datang: [3]–[4])

Kami bersetuju dengan Cobbinah dan Lüpke (akan datang), bahawa alternasi ragam tersirat adalah fenomena yang mencirikan bahasa yang tinggi keisolatifannya. Semua bahasa yang dibincangkan dalam bahagian ini sebahagian besarnya isolatif, iaitu kecenderungan satu perkataan terdiri daripada satu morfem sahaja.

6. Kesimpulan

Dalam makalah ini, kami telah meneliti sintaksis ayat *kena* dalam bahasa Melayu. Analisis kami adalah baru dalam tiga hal berikut. Pertama, kami telah memperlihatkan kewajaran hubungan antara pasif (adversatif) *kena* dan ayat *kena* dengan makna 'harus', iaitu dua ayat tersebut adalah pasangan pasif-aktif. Kedua-dua konstruksi ini dianggap sebagai tidak mempunyai hubungan sintaksis dalam kajian terdahulu. Kedua, kami telah menunjukkan bahawa *kena* bukan penanda pasif tetapi predikat lucu. Dalam kajian terdahulu, ketaksaan *kena* yang melibatkan penggunaannya dalam ayat pasif *kena* dan ayat *kena* yang mengandungi makna 'harus', merupakan ketaksaan *leksikal*, iaitu sama ada wujud dua morfem *kena* yang berlainan atau *kena* adalah bersifat polisemi. Namun, dua hal yang tersebut di atas membolehkan wujudnya pandangan yang lebih berprinsip. Secara khusus, ketaksaan yang relevan bersifat *struktural*. Jenis ketaksaan yang berlaku dalam ayat *kena* adalah sama sahaja dengan ketaksaan yang terdapat dalam ayat dengan predikat lucu yang lain, seperti *mahu* dan *cuba*. Penemuan baru yang ketiga dalam analisis kami ialah kami mendakwa bahawa dalam ayat *kena*, ragam tidak ditandakan secara nyata atau tersurat, baik oleh morfologi kerjaan atau menerusi urutan kata khas (apabila *kena* tidak diikuti oleh klausa ragam morfologi atau klausa ragam kosong). Kami menamakan jenis ragam ini sebagai "ragam tersirat" dan kami juga telah menunjukkan bahawa ia tidak terbatas kepada ayat *kena* dalam bahasa Melayu, malahan ragam ini juga ditemui dalam ayat dengan *ter-* dalam bahasa Melayu serta dalam banyak bahasa yang lain.

Sebagai kesimpulan, mari kita kembali kepada persoalan yang kita tanyakan dalam tajuk makalah ini: Ada berapa morfem *kena*? Jawapan kami ialah dua, dan bukannya tiga, seperti yang dirumuskan dalam (44).

(44)

	<i>kena 1</i>	<i>kena 2</i>
Kategori:	KK transitif	KK modaliti
Komplemen:	FD	Fk
Makna:	sentuh, menanggung, mendapat	tak kira kehendak subjek/ penutur (debitif 'harus', adversatif)
Contoh:	• <i>Kaki Abu kena ekzos motosikal.</i> • <i>Felix kena loteri sebanyak RM 50 000.00 semalam.</i>	• <i>Polis kena tangkap pencuri itu.</i> • <i>Pencuri itu kena tangkap (oleh) polis.</i>

Rujukan

- Abdul Hamid Mahmood. 1992. *Ayat pasif bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. 1974. *The morphology of Malay*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aldridge, Edith. 2008. Phase-based account of extraction in Indonesian. *Lingua* 118. 1440–1469.
- Arbak Othman. 1981. *Tatabahasa bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Arka, I Wayan & Jeladu Kosmas. 2005. Passive without passive morphology? Evidence from Manggarai. Dlm. I Wayan Arka & Malcolm Ross (peny.), *The many faces of Austronesian voice systems: Some new empirical studies*, 87–117. Canberra: Pacific Linguistics.
- Asmah Hj. Omar. 2009. *Nahu Melayu mutakhir (edisi kelima)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar & Rama Subbiah. 1985. *An introduction to Malay grammar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bao, Zhiming & Lionel Wee. 1999. The passives in Singapore English. *World Englishes* 18. 1–11.
- Bodman, Nicholas C. 1955. *Spoken Amoy Hokkien*. Kuala Lumpur: Charles Grenier and Company.
- Bošković, Željko. 1994. D-Structure, Theta Criterion, and movement into theta positions. *Linguistic Analysis* 24. 247–273.
- Chung, Sandra. 1976. On the subject of two passives in Indonesian. Dlm. Charles. N. Li (peny.), *Subject and topic*, 57–99. New York: Academic Press.
- Chung, Siaw Fong. 2005. *Kena* as a third type of the Malay passive. *Oceanic Linguistics* 44. 194–214.

- Cobbinah, Alexander & Friederike Lüpke. akan datang. Not cut to fit – zero coded passives in African languages. Dlm. Matthias Brenzinger & Anna-Maria Fehn (peny.) *Proceedings of the 6th World Congress of African Linguistics*. Amsterdam: John Benjamins.
- Cole, Peter & Gabriella Hermon. 1998. The typology of wh-movement: Wh-questions in Malay. *Syntax* 1. 221–258.
- Cole, Peter, Gabriella Hermon & Yanti. 2008. Voice in Malay/Indonesian. *Lingua* 118. 1500–1553.
- Gil, David. 2002. The prefixes *di-* and *N-* in Malay/Indonesian dialects. Dlm. Fay Wouk & Malcom David Ross (peny.), *The history and typology of Western Austronesian voice systems*, 241–283. Canberra: Pacific Linguistics.
- Gruber, Jeffrey S. 1965. *Studies in lexical relations*. Cambridge, MA: Tesis Ph.D MIT.
- Guilfoyle, Eithene, Henrietta Hung & Lisa Travis. 1992. Spec of IP and spec of VP: Two subjects in Austronesian languages. *Natural Language and Linguistic Theory* 10. 375–414.
- Hornstein, Norbert. 1999. Movement and control. *Linguistic Inquiry* 30. 69–96.
- Hornstein, Norbert. 2001. *Move! A minimalist theory of construal*. Oxford: Blackwell.
- Hornstein, Norbert, Jairo Nunes & Kleanthes K. Grohmann. 2005. *Understanding minimalism*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Jackendoff, Ray. 1972. *Semantic interpretation in generative grammar*. Cambridge, MA: MIT Press.
- Keenan, Edward. 1985. Passive in the world's languages. Dlm. Timothy Shopen (peny.) *Language typology and syntactic description*, 243–281. Cambridge: Cambridge University Press.
- Koh, Ann Sweesun. 1990. *Topics in Colloquial Malay*. Melbourne: Tesis Ph.D Universiti Melbourne.
- Nik Safiah Karim. 1978. *Bahasa Malaysia syntax: Some aspects of its standardization*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. 1993. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nomoto, Hiroki. 2011. Analisis seragam bagi kawalan lucu. Dlm. Hiroki Nomoto, Anwar Ridhwan & Zaharani Ahmad (peny.), *Isamu Shoho: Tinta kenangan "kumpulan esei bahasa dan linguistik"*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nomoto, Hiroki & Kartini Abd. Wahab. 2011. *Kena passives in Indonesian: A Malaysian perspective*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam The 15th International Symposium on Malay/Indonesian Linguistics (ISMIL), 24–26 Jun 2011, Malang, Jawa Timur, Indonesia.

- Nomoto, Hiroki & Isamu Shoho. 2007. Voice in relative clauses in Malay: A comparison of written and spoken language. Dlm. Yuji Kawaguchi, Toshihiro Takagaki, Nobuo Tomimori & Yoichiro Tsuruga (peny.), *Corpus-based perspectives in linguistics*, 353–370. Amsterdam: John Benjamins.
- Polinsky, Maria & Eric Potsdam. 2008. The syntax and semantics of wanting in Indonesian. *Lingua* 118. 1617–1639.
- Prasithrathsint, Amara. 2004. The adversative passive markers as a prominent areal feature of Southeast Asian languages. Dlm. Somsonge Buruphat (peny.), *Paper from the Eleventh Annual Meeting of Southeast Asian Linguistics Society 2001*, 583–598. Tempe, AZ: Program for Southeast Asian Studies, Arizona State University.
- Ramli Haji Salleh. 1995. *Sintaksis bahasa Melayu: Penerapan Teori Kuasaan dan Tambatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saddy, Douglas. 1991. WH scope mechanism in bahasa Indonesia. Dlm. Lisa Lai Shen Cheng & Hamida Demirdash (peny.), *MIT working papers in linguistics 15: More papers on wh-movement*, 183–218. Cambridge, MA: Department of Linguistics and Philosophy, MIT.
- Sato, Yosuke. 2008. *Minimalist interfaces: Selected issues in Indonesian and Javanese*. Tucson, AZ: Tesis Ph.D Universiti Arizona.
- Shibatani, Masayoshi. 1985. Passives and related constructions: A prototype analysis. *Language* 61. 821–848.
- Sneddon, James Neil. 1996. *Indonesian: A comprehensive grammar*. Canberra: Allen & Unwin.
- Soh, Hooi Ling. 1994a. External arguments and *ter-* in Malay. Dlm. Päivi Koskinen (peny.), *Proceeding of the 1994 Annual Conference of the Canadian Linguistic Association*, 535–546. Toronto: Department of Linguistics, University of Toronto.
- Soh, Hooi Ling. 1994b. *Aspect and the organization of agument structure and phrase structure: Evidence from Malay*. Calgary: Tesis Sarjana, Universiti Calgary.
- Soh, Hooi Ling. 1998. Certain restrictions on A-bar movement in Malay. Dlm. Matthew Pearson (peny.), *Proceedings of the Third and Fourth Meetings of Austronesian Formal Linguistics Association 1996–1999*, 295–308. Los Angeles: Department of Linguistics, University of California.
- Son, Minjeong & Peter Cole. 2008. An event-based account of *-kan* constructions in Standard Indonesian. *Language* 84. 120–160.
- Tjung, Yassir. 2006. *The formation of relative clauses in Jakarta Indonesian: A subject-object asymmetry*. Newark, DE: Tesis Ph.D Universiti Delaware.

- Voskuil, Jan E. 2000. Indonesian voice and A-bar movement. Dlm. Ileana Paul, Vivianne Phillips & Lisa Travis (peny.), *Formal issues in Austronesian linguistics*, 195–214. Dordrecht: Kluwer.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). 2000. *Pelita bahasa Melayu, penggal I–III, edisi baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.